



SEBAHAGIAN penduduk dipindahkan ke SMK Jalan Tiga.



KEADAAN tiang di blok 4 Pangsapuri Jubli Perak, Bandar Baru Bangi yang retak dan tidak selamat untuk diduduki.



Untuk video layari www.hmetro.com.my/mymetrotv

PENDUDUK susah hati melihat retakan di kediaman mereka.



TIANG FLAT RETAK SERIBU

300 penghuni dipindah ke SMK Jalan Tiga

Kalbaria Perimbanayagam
drews@nstp.com.my

Bangi

Lebih 300 penghuni Blok 4 Flat Jubli Perak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) Seksyen 4, Bandar Baru Bangi, di sini, terjejas berikutan tiang bangunan itu mengalami keretakan serius, semalam.

Penduduk daripada 48 unit kediaman empat tingkat itu sudah dipindahkan ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jalan Tiga, kira-kira dua kilometer dari flat berkenaan bermula jam 6 petang semalam.

Pegawai Daerah Kajang Daruk Rosli Othman berkata, pihaknya mengeluarkan perintah evakuasi selepas diberikan maklumat mengenai keadaan flat oleh pihak berkuasa ketika lawatannya ke tempat kejadian.

Rosli berkata, sementara menunggu pemeriksaan keselamatan, penduduk diberi pilihan sama ada tinggal di pusat pemindahan atau di kediaman saudara mereka.

"Bagaimanapun, mereka mesti mendaftar pemindahan keluar di pusat operasi sementara yang dibuka di kawasan letak kereta flat bagi memastikan semua maklumat penghuni dikumpul jika berlaku sebarang insiden

Bagaikan bom jangka

Bangi: "Syukur kerana penduduk lebih awal menyedari keadaan tiang itu sebelum situasi menjadi lebih buruk," kata penduduk Flat Jubli Perak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Seksyen 4, Bandar Baru Bangi, di sini, Jamaluddin Aripin, 45.

Katanya, keadaan itu ibarat 'bom jangka' yang boleh mendatangkan bencana pada bila-bila masa.

"Kami bernasib baik kerana ia dikesan sebelum ada nyawa melayang.

"Keretakan sudah berlaku kira-kira 10 tahun lalu namun keadaannya semakin teruk apabila kepingan konkrit mulai runtuh daripada struktur tiang.

"Walaupun terlalu awal untuk meramalkan berapa lama perlu tinggal di pusat pemindahan, na-

mun kami berharap ia dapat dipulihkan dalam masa terdekat," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Johan Mahat, 57, berkata walaupun akan berdepan kesulitan untuk melakukan rutin harian apabila berpindah, namun demi keselamatan keluarganya terpaksa keluar dari rumah.

"Ini kali pertama kami diarahkan berpindah. Bagaimanapun, penduduk akan memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa dalam usaha memulihkan keadaan bangunan," katanya.

Katanya, pihak berkenaan diharapkan segera untuk keselamatan penduduk.

"Pada mulanya retak pada tiang dilihat tidak membahayakan, namun lama-kelamaan ia semakin teruk," katanya.

memandangkan barang mereka juga masih berada dalam rumah," katanya ketika ditemui di lokasi, semalam.

Katanya, polis dan kementerian pihak berkuasa tempatan (PBT) akan berada di lokasi sepanjang masa bagi memastikan penghuni dan

barang mereka selamat.

"Blok itu mesti dikosongkan tengah malam ini (malam tadi) dan sesiapa yang ingin mengambil apa-apa dari unit mereka, perlu pergi bersama pegawai bertugas di lokasi," katanya.

Beliau berkata, arkitek PKNS dan Jabatan Kerja Raya (JKR) memerlukan masa antara



FAKTA
JKR memerlukan satu hingga tiga hari untuk mengesahkan status keselamatan flat

satu hingga tiga hari untuk mengesahkan status keselamatan flat itu sebelum melakukan kerja pemuliharaan atau pembaikan.

"Ia bangunan lama yang dibina pada 1980-an. Arkitek melakukan siasatan dan ujian struktur sebelum menyeluruh sebelum mereka membenarkan penduduk kembali ke unit masing-masing," katanya.

Terdahulu, Pengerusi Persatuan Penduduk Flat Jubli Perak Mar Shaharudin Yatim, menghormati Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) selepas melihat keretakan (teruk) pada beberapa tiang di tingkat bawah.

Bangunan itu kemudian diperiksa anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bangi sebelum mengisytiharkan ia tidak selamat untuk didiami.

Ketua BBP Bangi Rosman Majid berkata, pemeriksaan awal menunjukkan bangunan itu tidak selamat untuk didiami.

"Memandangkan flat berkenaan adalah projek PKNS, kami menunggu arkitek mereka dan peniliran Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) sebelum membuat sebarang keputusan," katanya.

Rosman berkata, memandangkan pihak IKRAM dan PKNS tidak dapat mengesahkan tahap keselamatan bangunan itu buat masa ini, lebih baik penghuni dipindahkan sebagai langkah keselamatan.